

**Majlis Mesyuarat disambung
semula pada pukul 2.30 petang.**

Yang Berhormat Yang Di-Pertua:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kita **أَلْحَمْدُ لِلَّهِ** menyambung semula persidangan pada petang ini untuk membahaskan Rang Undang-Undang yang bergelar Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 yang telah dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II.

Sebelum ini, kita telah pun membincangkan Rang Undang-Undang ini di Peringkat Jawatankuasa. Saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat semua bahawa di hadapan kita masih lagi banyak Tajuk Kementerian yang perlu diteliti dan dibincangkan bagi membolehkan kita meluluskan belanjawan yang baharu ini.

Oleh yang demikian, saya ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat semua bahawa biarlah perbincangan kita itu terutamanya sekali soalan-soalan yang akan dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat itu lebih relevan dan menumpukan kepada bajet belanjawan di hadapan kita ini, kerana apa yang diperhatikan ada beberapa jenis soalan yang dikemukakan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat berulang-ulang ataupun secara *repetitive* (isu yang sama tetapi dikemukakan dengan cara yang berlainan) oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dan isu-isu itu pun sudah dijawab oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat Menteri-Menteri yang

berkenaan sama ada pada tahun ini mahupun tahun yang sudah-sudah.

Jadinya perkara yang berulang-ulang ini saya kira eloklah kita elakkan dan saya juga ingin menarik perhatian Ahli-Ahli Yang Berhormat semua bahawa perbincangan kita eloklah lebih fokus kepada apa yang kita bincangkan dan tidaklah secara melarat-larat kepada hal-hal yang lain yang boleh barangkali menarik perhatian tetapi tidak relevan kepada apa yang kita bincangkan.

Maka bagi membolehkan Rang Undang-Undang Perbekalan ini kita bincangkan satu persatunya. Saya tangguhkan dulu Persidangan Majlis Mesyuarat Negara ini dan majlis kita ini bersidang semula di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya.

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)

**(Mesyuarat bersidang sebagai
Jawatankuasa)**

Yang Berhormat Pengerusi:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang Majlis ini bersidang di Peringkat Jawatankuasa sepenuhnya bagi menimbangkan Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019 satu per satu yang kita ketahui bahawa Rang Undang-Undang yang berkenaan telah pun dicadangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II. Pada Mesyuarat Jawatankuasa yang kita adakan pada sebelah pagi tadi kita telah pun meluluskan Jadual Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Sekarang

kita akan berpindah ke Tajuk Jadual seterusnya.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis:

Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli

Yang Berhormat. Kita akan mula membincangkan dan membahaskan Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Walau bagaimanapun, seperti lazimnya sebelum Tajuk ini dibuka untuk dibahaskan saya ingin memberikan peluang kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, untuk membentangkan bajet belanjawan yang disediakan ini. Silakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ Yang Berhormat Pengerusi, lebih dahulu kaola memanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan rahmat dan izin-Nya jua kita semua dapat menghadiri Permesyuaratan Keempat Belas Majlis Mesyuarat Negara yang mulia ini.

Kaola dengan segala hormat dan takzim menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang

Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, atas pengurniaan titah baginda pada hari Isnin, 17 Jamadilakhir 1439 bersamaan 5 Mac 2018, yang akan menjadi ristaan bersama di Majlis Mesyuarat ini dan pada masa-masa yang akan datang.

Yang Berhormat Pengerusi, Kaola ingin merakamkan dan ucapan tahniah kepada Kementerian Kewangan dalam penyediaan Rang Belanjawan Bagi Tahun 2018/2019 dan ingin mengucapkan terima kasih atas peruntukan sebanyak \$116,558,840.00 yang disediakan untuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan yang juga termasuk peruntukan bagi 43 buah perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negeri.

Peruntukan tersebut akan dimanfaatkan sebaik mungkin dan secara berhemat untuk menampung keperluan perbelanjaan di kementerian ini, \$42.8 juta disediakan untuk Gaji Kakitangan, \$69.45 juta disediakan untuk Perbelanjaan Berulang-Ulang yang antara lainnya mengambil kira peruntukan seperti kos operasi di dalam negeri dan di luar negeri, perbelanjaan Promosi Perdagangan dan kos Pemeliharaan Pembinaan dan Pengubahsuaian dan Bangunan-Bangunan di bawah Kementerian di dalam dan di luar negeri.

Manakala jumlah \$4.28 juta bagi Rancangan Kemajuan Negara di antaranya akan membiayai pembinaan Rumah Kediaman Rasmi di Canberra, Australia serta membaik

pulih bangunan Warisan Bubungan Dua Belas.

Untuk makluman Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat jua, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mengurus beberapa bangunan di dalam dan di luar negeri seperti Ibu Pejabat Kementerian, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas termasuk juga Bubungan Dua Belas serta juga 80 buah bangunan di luar negeri termasuk pejabat-pejabat perwakilan dan rumah kediaman rasmi.

Bangunan-bangunan tersebut terutamanya Pejabat-Pejabat Perwakilan memainkan peranan penting bukan sahaja dalam meningkatkan hubungan dua hala dan kerjasama ekonomi tetapi juga dalam mempertingkatkan tradisi dan budaya kita di dunia luar.

Peruntukan tersebut juga digunakan bagi mencapai objektif-objektif dasar luar kita yang telah diamalkan sejak tahun 1984 lagi bahawa Negara Brunei Darussalam akan terus mengekalkan hubungan baik dengan negara-negara lain berasaskan prinsip saling menghormati dengan nilai persahabatan dan keamanan. Negara Brunei Darussalam akan terus berusaha untuk menjadi ahli masyarakat dunia yang bertanggungjawab.

Sehubungan dengan itu, kementerian juga menawarkan biasiswa kepada penuntut-penuntut dari beberapa negara luar untuk belajar di institusi-institusi pendidikan tinggi di Negara Brunei Darussalam. Ini bukan sahaja

membina hubungan baik bersama negara-negara tersebut tetapi juga akan meningkatkan prestij institusi-institusi berkenaan di mata dunia.

الْحَمْدُ لِلَّهِ setakat ini Negara Brunei Darussalam telah menjalin hubungan diplomatik bersama dengan lebih 170 buah negara, ini satu bukti kukuh bahawa sifat bermuzakarah dan bermusyawarah yang kita amalkan khususnya dalam Melayu Islam Beraja terus diamalkan dalam hubungan diplomatik kita di arena antarabangsa.

Yang Berhormat Pengerusi. Tahun 2035 makin hampir, persediaan yang komprehensif sedang dibuat bagi menjayakan matlamat-matlamat yang telah ditetapkan dalam Wawasan Brunei 2035. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan akan terus bekerjasama dengan kementerian-kementerian berkenaan dalam mencapai matlamat-matlamat tersebut khususnya bagi menghasilkan sebuah negara yang mempunyai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Oleh yang demikian, salah satu tumpuan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan adalah usaha-usaha ke arah meningkatkan perdagangan antarabangsa. Khususnya kemudahan perdagangan iaitu *Trade Facilitation* dan promosi perdagangan iaitu *Trade Promotion*. Di samping mengurangkan halangan perdagangan sebagai strategi dalam meningkatkan pertumbuhan dan seterusnya mempelbagaikan ekonomi Negara Brunei Darussalam.

Dalam perkara ini, kementerian akan terus berusaha menjamin Negara Brunei Darussalam akan memperoleh faedah dalam perjanjian-perjanjian perdagangan bebas 2 hala mahupun serantau yang kita sertai dan juga dalam mana perjanjian-perjanjian tersebut boleh memberikan rakyat, peniaga dan perusahaan di Negara Brunei Darussalam akses pada pasaran yang lebih besar dan meningkatkan daya tarikan negara ini sebagai destinasi pelaburan dari luar negara.

Negara Brunei Darussalam tidak seharusnya dilihat sebagai pasaran yang terdiri daripada hanya 420,000 orang memandangkan Pulau Borneo yang sudah mempunyai hubungan jalan raya yang baik dan ekstensif serta udara yang meluas ini memberikan akses serta kepada pasaran sejumlah 18 juta orang.

Sehubungan dengan itu, Negara Brunei Darussalam juga terlibat dalam beberapa perjanjian perdagangan bebas serantau di bawah *ASEAN* dan juga Perjanjian Perdagangan Bebas *ASEAN*, kerjasama rakan-rakan dialognya yang membuka akses pasaran yang lebih luas.

Dalam kesempatan ini, kaola ingin memaklumkan bahawa baru-baru ini, Negara Brunei Darussalam telah menandatangani perjanjian *The Comprehensive and Progressive Agreement On Trans-Pacific Partnership (CPTPP)* pada 8 Mac 2018 di *Santiago, Chile* bersama 10 negara lain iaitu *Australia, Canada, Chile, Jepun,*

Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapore dan *Viet Nam*.

Perjanjian ini bukan sahaja akan membuka lagi laluan eksport produk-produk tempatan kepada pasaran di negara-negara tersebut yang terdiri daripada 500 juta penduduk tetapi juga akan menarik peluang pelaburan dengan mengambil kesempatan iklim pelaburan negara ini yang positif dan menarik.

Yang Berhormat Pengerusi. Dalam mendukung usaha-usaha yang kaola sebutkan tadi ke arah mempelbagaikan ekonomi negara. Perwakilan-Perwakilan Negara Brunei Darussalam akan terus memainkan peranan penting dalam mempromosi Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang aman dan stabil dengan persekitaran yang bersih dan hijau serta juga destinasi pelaburan dan perniagaan yang menarik.

Ini dapat memberikan peluang kepada syarikat-syarikat tempatan untuk menubuhkan usaha sama dengan syarikat-syarikat luar untuk membolehkan mereka menembusi pasaran antarabangsa dan mengembangkan pasaran produk-produk mereka. Perwakilan-Perwakilan Negara Brunei Darussalam juga bersedia untuk membantu dalam mempromosi produk-produk tempatan yang dapat diketengahkan di negara-negara yang mereka berada.

Di samping itu, perwakilan-perwakilan selaku wakil Kerajaan Kebawah Duli

Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam akan sentiasa bersedia memantau kesejahteraan rakyat Negara Brunei Darussalam yang berada di negara-negara berkenaan.

Bagi memudahkan proses pemantauan dalam kesempatan ini kaola sarankan bagi rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang ingin membuat perjalanan ke luar negara untuk mendaftar secara *online* dalam laman *web* kementerian ataupun memaklumkan perwakilan-perwakilan Negara Brunei Darussalam di negara-negara berkenaan.

Yang Berhormat Pengerusi. Kesejahteraan dan kepentingan negara dalam arena antarabangsa akan terus dikekalkan. Ini dilakukan dengan hubungan baik sesama jiran tetangga negara-negara *ASEAN* dan negara-negara lain dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Di sinilah, Negara Brunei Darussalam melalui Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mengamalkan dasar saling menghormati terhadap kedaulatan, kemerdekaan dan identiti kebangsaan masing-masing selaku masyarakat dunia yang bertanggungjawab.

Sebelum mengakhirinya, kaola ingin berterima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas pertimbangan dan sokongan kepada Peruntukan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II atas kenyataan ataupun mukadimah yang cukup komprehensif tentang penyediaan belanjawan dan hala tuju Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bagi tahun yang akan mendatang ini.

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sekarang saya bukakan Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan untuk dibahaskan. Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit.

Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
dan salam sejahtera. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan atas pembentangan mukadimah yang terperinci sebentar tadi.

Yang Berhormat Pengerusi. Kaola memulakan Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dengan jumlah peruntukan \$112,228,840.00. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola mengemukakan Kod Akaun 001/002 iaitu Pengurusan Aset dan Operasi yang jumlah anggaran 2018/2019 iaitu \$8,141,212.00.

Dewan Persidangan Antarabangsa Brunei di *ICC* digunakan untuk perhimpunan dan apa jua jenis majlis-majlis kenegaraan dan termasuk juga majlis lain seperti majlis perkahwinan dengan dikenakan sewa. Melihat kepada Petunjuk Prestasi Utama bahawa Hasil Kutipan dari Sewa berkenaan tahun 2016/2017 yang sebenarnya iaitu sejumlah \$585,000.00. Kemudian diramalkan anggaran sasaran 2017/2018 meningkat kepada \$1.3 juta.

Sasaran 2018/2019 sejumlah \$600,000.00. Sasaran 2019 hingga 2021 dijangka sasaran sejumlah \$620 juta. Soalan kaola:-

1. Kenapakah berlakunya perbezaan anggaran dan sasaran kutipan tersebut?;
2. Berapakah kutipan sebenar 2017/2018 yang sasarannya sejumlah \$1.3 juta?; dan
3. Adakah dicadangkan kalau boleh mohon dijelaskan untuk pengetahuan orang ramai yang berkeinginan untuk menyewa akan ketetapan harga bayaran sewa setiap dewan yang ada di bangunan Persidangan Antarabangsa Brunei?

Seterusnya Kod Akaun 001003 iaitu Pengurusan dan Perdagangan Antarabangsa dengan jumlah Anggaran Perbelanjaan 2018/2019 ialah sejumlah \$2,789,634.00. Misi perdagangan yang dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri yang mengundang negara luar untuk membuat pameran dan perdagangan dan pelaburan dalam

negeri dengan jumlah anggaran dan sasaran sama jumlahnya iaitu setiap tahun sebanyak 19 pameran bagi 14 negara bagi tahun 2016 sehingga 2021 dan dinyatakan juga pada tahun 2016/2017 hanya sebanyak 9 pameran dan 6 buah negara sahaja yang menyertai dari sasaran 19 pameran dan 14 buah negeri.

Soalan kaola:-

1. Apakah jenis perdagangan dan pelaburan utama yang sangat diminati oleh negara-negara berkenaan dan apakah hasilnya dari pameran tersebut?
2. Negera-negera manakah 6 buah negara yang telah terlibat menyertai Pameran Perdagangan dan Pelaburan tersebut?;
3. Berkaitan dengan bantuan pelajar luar negeri yang disebutkan tadi di Dewan pembentangan yang ditawarkan belajar di pengajian tinggi di negara ini: Berapakah kuota dan Peruntukan Belanjawan setiap tahun yang disediakan kepada pelajar-pelajar luar negeri ini?; dan
4. Berhubung dengan *BIMP-EAGA*. Kaola ingin tahu: Apakah keuntungan yang telah diperolehi Brunei Darussalam dalam menyertai *BIMP-EAGA* sejauh ini? Berapakah kadar kesumbangan *BIMP-EAGA* kepada pertumbuhan ekonomi negara?

Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri. Saya persilakan Yang Berhormat untuk membuat respons.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit atas soalan-soalan yang diajukan tadi.

Mengenai Pengurusan Aset terutamanya mengenai penggunaan *ICC* dan kutipan yang diperolehi dari tahun ke tahun perkara ini tertakluk kepada penggunaan sepenuhnya *ICC* dari masa ke masa, tertakluk kepada permintaan dari pihak swasta ataupun orang ramai dan juga dengan mengambil kira mengadakan acara-acara rasmi negara pada tarikh-tarikh yang berkenaan.

Oleh yang demikian, walaupun anggaran dari tahun ke tahun berubah, ini hanyalah tertakluk kepada permintaan *market* dan pada masa ini pun penggunaan dewan-dewan di negara ini sangat juga kompetitif dengan adanya dewan-dewan yang lain yang juga memberikan harga-harga yang kompetitif.

Bagi soalan mengenai kadar penyewaan dewan-dewan di *ICC* ini tertakluk kepada dewan-dewan yang berlainan dengan harga yang berlainan. Tetapi disini Yang Berhormat Pengerusi sekiranya kaola dapat kembali kemudian

dengan data yang lebih komprehensif bagi memberikan jawapan kepada Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tadi.

Manakala misi perdagangan yang dikehendaki dari tahun ke tahun dan pelaburan yang dikendalikan, dari segi Jabatan Perdagangan atau *Trade*, kebanyakannya ini bagi memastikan beberapa syarikat-syarikat Mikro Kecil dan Sederhana untuk menyertai pameran-pameran tertentu dan pelaburan tertentu di luar negara dan ini juga untuk Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit. Pertanyaan tadi tertakluk kepada jemputan-jemputan yang diberikan kepada Negara Brunei Darussalam walaupun dalam *ASEAN* ataupun dalam bukan *ASEAN* seperti *BIMP-EAGA* ataupun dalam *APEC* dan sebagainya.

Jadinya pameran-pameran ini tertakluk kepada jemputan-jemputan yang kita terima bukan sahaja dari Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan tetapi dari yang ditujukan kepada kementerian-kementerian lain juga. Jadinya ini satu usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memberi *support* ataupun sokongan bantuan kepada perusahaan kecil Mikro Kecil dan Sederhana dan bukannya sebagai satu jangka yang ditetapkan dari tahun ke tahun.

Sebagai contoh pameran-pameran yang selalunya kementerian membantu perusahaan-perusahaan mikro kecil dan

sederhana ini dari segi pameran barangan dari *BIMP-EAGA*, yang diadakan di sebelah Indonesia iaitu di Balikpapan atau Kalimantan ataupun dalam *ASEAN* seperti pora-pora.

Kementerian lain terutamanya dari segi pelancongan, menghadiri persidangan mengenai Satu Kampung Satu Produk di Thailand yang dipanggil *OTOP (one tambon one product)*. Begitulah hakikatnya, bajet ataupun peruntukan yang digunakan bagi persidangan pelaburan ini untuk membantu mana-mana pengusaha ataupun kementerian yang memerlukan bantuan untuk pengusaha-pengusaha mereka untuk menghadiri pameran-pameran di luar negeri.

Seterusnya, mengenai keuntungan daripada *BIMP-EAGA* seperti mana yang kaola nyatakan tadi Borneo sahaja mempunyai 18 juta penduduk dan pasarannya terbuka kepada kita di negara ini untuk menembusnya. Ia sudah tersedia, mungkin dari segi keuntungan yang ketara bagi *BIMP-EAGA* yang ketara ialah yang pasaran tersebut sudah tersedia, tinggal lagi cuma membawa dan memasarkan barangan kita ataupun *demand and supply* dari setiap ahli dalam *BIMP-EAGA* itu terhadap barangan kita untuk disediakan. Itu saja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari.

Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin binn Haji Johari @ Jahari: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Allahumma Salli Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala Ali Sayyidina Muhammad.

Kaola menyentuh Tajuk SC01A – Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan:-

1. Kaola ingin tahu sejauh manakah keterlibatan peniaga-peniaga tempatan dalam aktiviti ekonomi *BIMP-EAGA* ?;
2. Sejauh manakah pemberigaaan aktiviti perniagaan *BIMP-EAGA* diberigakan kepada rakyat Negara Brunei Darussalam khususnya peniaga-peniaga tempatan;
3. Adakah kita ada membuat kerjasama melalui *BIMP-EAGA*, membuat penyelidikan, mencipta *variety* padi baharu kerana dikira melalui kerjasama ini kita akan mendapat manfaat untuk mendapatkan *variety* padi baharu dilihat dari kejayaan anggota *BIMP-EAGA* yang lain telah berjaya mengeluarkan beberapa *variety* padi seperti negara Philippines, Malaysia dan Indonesia?;
4. Dicadangkan dan dipohonkan Negara Brunei Darussalam melalui *BIMP-EAGA* meminta kerjasama negara-negara anggota *BIMP-EAGA* bagi kita mengimport benih-benih kelapa yang berpotensi tinggi

seperti MATAK dari Malaysia dan benih-benih unggul dari Philippines, Malaysia dan Indonesia. Seterusnya, supaya Negara Brunei Darussalam melalui aktiviti-aktiviti *BIMP-EAGA* menubuhkan *Brunei Coconut Authority* yang mengawal selia hal ehwal piasau termasuk perdagangan;

5. Apakah ada perancangan kita melalui *BIMP-EAGA* membuat perancangan mengadakan *Regional Airlines* dalam kalangan anggota negara-negara *BIMP-EAGA* dan jika ada bilakah ianya dilaksanakan;
6. Pada mesyuarat *BIMP-EAGA* baru-baru ini, di Negara Brunei Darussalam ada 3 komuniti utama yang menjadi perhatian dalam *cluster agri business* iaitu padi, piasau dan *beef cattle*. Seperti yang kaola usulkan pada permesyuaratan hari Selasa, 6 Mac 2018 telah mengusulkan dan mencadangkan menjadikan piasau diusahakan secara besar-besaran dijadikan Satu Brunei Satu komoditi. Insyallah dari komoditi ini, akan dapat dikeluarkan bermacam-macam produk komersial yang dikira mampu meningkatkan *KDNK* negara, untuk memastikan cadangan ini supaya dibuat penyelidikan yang terperinci; dan
7. Dicapangkan jua, supaya pihak swasta digalakkan khususnya *agribusiness cluster BIMP-EAGA* diberi peluang yang luas meneroka kegiatan pertanian yang berdaya

maju dan berteknologi dan digalakkan membuat lawatan ke negara-negara *BIMP-EAGA* untuk membuat *study banding* khususnya dalam pengeluaran padi dan komoditi-komoditi lain. Seharusnya, keutamaan aktiviti-aktiviti pertanian juga diselaraskan dengan aktiviti yang terkandung dalam Rancangan Strategik *BIMP-EAGA* kerana ia bersangkutan dengan inspirasi kerajaan dalam meningkatkan hasil pertanian.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin bin Haji Johari @ Jahari atas soalan-soalan yang diberikan.

Pihak swasta memang digalakkan untuk meneroka peluang-peluang dalam *BIMP-EAGA* di kesemua aktiviti-aktiviti yang dimajukan. Seperti mana yang dinyatakan awal tadi Rantau *BIMP-EAGA* berjaya menarik pelaburan masuk ke negara-negara *BIMP-EAGA* keseluruhannya dan pelancongan dari *BIMP-EAGA* juga meningkat dari setahun ke setahun.

Oleh yang demikian, usaha yang diadakan di bawah landasan *BIMP-EAGA* ini mendapat sokongan yang padu dari tahap yang tertinggi iaitu ketua-ketua

negara *BIMP-EAGA* dan tahun lepas ketua-ketua negara *BIMP-EAGA* telah meluluskan atau mengesahkan Visi *BIMP-EAGA 2025* iaitu rancangan hala tuju *BIMP-EAGA* bagi tempoh 2017 sampai 2025 untuk menjadikan rantau ini berdaya tahan, inklusif, mapan, kompetitif dari segi ekonomi melalui industri-industri pembuatan yang berdaya saing, industri pertanian dan perikanan yang *sustainable* serta pelancongan yang berdaya tahan.

Yang Berhormat Pengerusi, sukacita kaola kembali kepada isu yang dibangkitkan mengenai kerjasama dalam bidang-bidang pertanian seperti penyelidikan *variety* padi ataupun kerjasama dalam benih-benih kelapa. Perkara ini, dalam benih-benih kelapa didorong oleh sektor swasta (*private sector*).

Jadinya, sekiranya ada sektor swasta yang membangkitkan keperluan untuk mengadakan industri tersebut dalam *BIMP-EAGA* secara *bilateral* ataupun lebih *trilateral* dan sebagainya maka barulah kita dapat mengusahakannya bersama dari segi kerajaan dalam *BIMP-EAGA* ini untuk mengadakan dasar-dasar yang lebih menarik untuk meningkatkan industri-industri yang akan dimajukan.

Ia bukannya *government driven* sekiranya sektor swasta menginginkan untuk bekerjasama dalam membuat penyelidikan ataupun berkongsi maklumat mengenai jenis-jenis *variety* padi, maka pihak kerajaan

meningkatkan usaha ini untuk membuat perundingan selanjutnya.

Mengenai perancangan *regional airlines* ini sekali lagi kaola nyatakan sekiranya sudah ada sektor swasta yang berkeinginan untuk membuat *regional airlines* barulah ia akan dirundingkan pada tahap pihak kerajaan.

Memang dari segi sektor swasta, ada sudah menyuarakan keinginannya tetapi di Mesyuarat Menteri-Menteri *BIMP EAGA* pada penghujung tahun lepas perkara ini masih lagi dalam tahap *exploratory* kerana dari segi komersialnya belum dapat membuahkannya kerjasama yang konkrit. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya kira barangkali pihak yang berkenaan mengenai pertanian di Negara Brunei Darussalam juga mungkin boleh meneliti apa yang telah disuarakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi terutama dengan *exchange* spesis kelapa misalannya ataupun spesis padi yang boleh ditanam di negara kita. Apa lagi waktu ini kita menempuhi era bahawa kita memberikan tumpuan yang banyak kepada kerja-kerja atau projek-projek pertanian berhubung dengan terutamanya sara diri dan mengenai pemakanan kita.

Apahal kalau sekiranya saya minta Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan untuk memberikan reaksinya.

Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Kaola akan menyentuh 2 perkara sahaja buat masa ini dan nanti menambah lagi semasa sesi perbincangan berkenaan dengan Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Berkenaan dengan *variety* padi berhasil tinggi memang banyak platform untuk Kementerian bertukar fikiran dengan pihak-pihak *BIMP EAGA* ataupun kerajaan di Malaysia, Indonesia dan Filipina untuk mendapatkan *input benefit* ataupun mendapat faedah daripada perkembangan sektor pertanian di negara-negara berkenaan terutama dari segi jenis-jenis padi yang dihasilkan di negara berkenaan yang dapat kita rundingkan untuk dapat ditanam di negara ini.

Pada masa ini pun kita sedang membuat beberapa *arrangement* dengan sebuah *company* dari Indonesia untuk mencuba *variety* padi, yang hasil di negara berkenaan boleh mengeluarkan padi sehingga lebih 10 tan satu hektar satu musim dan telah mengadakan percubaan di sini selama 3 kali malah pada hari ini hari penuaian yang terakhir yang secara purata walaupun hasilnya sampai 12 tan di Indonesia, di sini cuma dapat membuahkan 6 tan sahaja satu hektar semusim (separuh sahaja).

Ini adalah disebabkan oleh keadaan tanah yang berlainan kerana di Indonesia tanahnya lebih subur disebabkan oleh keberadaan gunung-

gunung berapi di sana mungkin sama juga dengan di negara Filipina dan juga perbezaan dari segi kebanyakan sumber air lebih menguntungkan di negara-negara berkenaan.

Jadi perkara ini memang telah dibuat dan dicuba bukan saja pertama kali, telah beberapa kali. Selain itu kita juga berunding dengan negara selain daripada *BIMP EAGA*, di negara China dan Myanmar untuk mendapatkan bantuan mereka dari segi saintifik kajian bagaimana kita boleh mengeluarkan padi *hybrid* untuk ditanam di sini yang boleh menghasilkan *variety* padi yang berhasil tinggi sehingga 8 ke 10 tan satu hektar semusim. Insha-Allah akan terus diusahakan.

Berkenaan import kelapa. Seperti juga yang dinyatakan oleh rakan saya tadi Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, ertinya ini *drive* oleh *private* sektor sendiri. Seperti yang kita ketahui masa ini kita sudah ada industri minyak kelapa dara yang diusahakan oleh beberapa pengusaha di beberapa daerah di Negara Brunei Darussalam dan memang diakui satu masalah yang dihadapi ialah kekurangan sumber import kelapa untuk mereka membesarkan perusahaan mereka.

Kementerian sudah pun berunding dengan beberapa orang pengusaha ini untuk membuka jalan kepada mereka. Jika mereka mahu untuk mengimport kelapa dari Filipina, Thailand ataupun Malaysia, terpulang pada mereka yang sesuai untuk kegunaan mereka dalam

mengembangkan perusahaan kelapa dara. Ini terpulang juga kepada kos yang akan dihadapi oleh mereka sebelum mereka membuat *decision* untuk membeli kelapa dari luar negara ataupun tidak.

Untuk menanam kelapa di negara kita, tidak dihalang tetapi seperti yang kita ketahui negara kita sebuah negara yang kecil untuk berladang secara besar-besaran dan mungkin ada cabaran juga untuk lebih besar lagi dari sekarang jika mengambil unjuran sehingga ke 10 tahun akan datang.

Jadi import satu cara kita untuk memastikan industri proses akan terus berkembang. Oleh yang demikian, kawalan terhadap kos oleh pengusaha adalah penting supaya walaupun kenaikan dari *import* tapi kos-kos lain dapat dikawal.

Sekian sahaja dahulu untuk kenyataan kaola Yang Berhormat Pengerusi sebagai menjawab soalan daripada Yang Berhormat Awang Muhimin bin Haji Johari @ Jahari, terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman.

Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman: Terima kasih

Yang Berhormat Pengerusi.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ

Saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih atas mukadimah Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal-Ehwal Luar Negara dan Perdagangan II.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Sukacita saya lebih dahulu ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bersama dengan Jabatan Tenaga (*Energy*) dan Perindustrian atas usaha-usaha yang jitu bagi mengetengahkan syarikat-syarikat tempatan ke luar negara melalui ekspo-ekspo antarabangsa seperti Ekspo Ke-14 yang diadakan di Nanning, China pada tahun bawaha 119 syarikat tempatan telah mengikuti ekspo tersebut. Ini satu usaha yang sangat baik untuk memberikan pendedahan kepada pengusaha-pengusaha tempatan kita.

Saya juga ingin merakamkan ucapan tahniah atas penandatanganan perjanjian *Trans Pacific Partnership (TPP)* yang diperbaharui kepada *Comprehensive* dan *Progressive Agreement for Trans Pacific Partnership (CTPP)* di antara 11 buah negara yang terlibat pada 8 Mac 2018 baru-baru ini. Kembali kepada soalan saya:-

1. Saya ingin menyentuh mengenai salah satu Petunjuk Prestasi Utama di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan yang telah dinyatakan di dalam senarai

Anggaran Hasil dan Perbelanjaan Negara Tahun Kewangan 2018/2019 iaitu mengenal pasti syarikat-syarikat asing yang berpotensi untuk mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat Negara Brunei Darussalam di luar negara atau dan membuat pelaburan di Negara Brunei Darussalam.

Ini bagi menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengenai memperkasakan perekonomian negara.

Saya ingin mengetahui dengan lebih lanjut mengenai pencapaian prestasi Anggaran Tahun Kewangan 2017/2018 sebanyak 86 buah syarikat. Begitu juga dengan anggaran sasaran pada tahun 2018/2019 sehinggalah sasaran 2021 iaitu sasaran 86 buah syarikat.

Apakah hasil sebenar pencapaian prestasi ini pada Tahun Kewangan 2017/2018 berbanding dengan sasaran yang telah dianggarkan? Apakah potensi syarikat-syarikat yang telah dikenal pasti setakat ini untuk bekerjasama dengan syarikat-syarikat tempatan kita yang berada di luar negeri?

Jika ada, adakah ini inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan bersama agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan bagi membantu *MSME* untuk berpotensi untuk mengembangkan produk-produk

mereka di luar negara, bukan sahaja melalui ekspo-ekspo yang telah diadakan bahkan lebih kepada mempromosikan produk-produk ini di luar negara?

Saya yakin jika pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dapat membuka jalan melalui misi-misi perdagangan dan membuat beberapa perjanjian usaha sama dengan negara-negara yang berpotensi untuk diceburi supaya akan dapat menolong pengusaha-pengusaha tempatan untuk bergiat aktif dalam mempromosikan produk-produk tempatan.

Ini juga akan membantu peningkatan pencapaian *KPI* pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dan mengembangkan lagi kepelbagaian kemasukan ekonomi dalam negara kita seperti mana Yang Berhormat jelaskan tadi.

Saya juga ingin merujuk kembali soalan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal pada musim persidangan tahun lepas, mengenai pelantikan atace-atace perdagangan di negara-negara yang berpotensi untuk kita memasarkan produk-produk negara. Adakah sudah rancangan untuk merombak kembali proses penyaluran dan penyediaan attache Perdagangan melalui kedutaan-kedutaan Brunei yang berpotensi di

luar negara (*selected potential country*)?

Adakah sudah inisiatif-inisiatif pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan untuk mengenalkan produk-produk melalui program-program komersial yang dikendalikan oleh aktiviti-aktiviti perkhidmatan komersial di kedutaan-kedutaan Brunei di negara-negara yang berpotensi;

2. Menyentuh mengenai peruntukan di bawah Kod Akaun 002/000 Pengurusan Pejabat Perwakilan Luar Negeri iaitu Bangunan Awam. Telah disenaraikan di bawah Tajuk tersebut Projek-Projek Pembinaan dan Pengubahsuaian Kediaman Rasmi serta bangunan-bangunan Pejabat Kedutaan Besar di luar negara bagi Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam.

Adakah penglibatan ahli-ahli profesional negara kita dalam projek-projek kemajuan ini? Ini jika dilihat dari segi pendedahan dan pengetahuan reka bentuk pembangunan tempatan ahli-ahli profesional kita lebih banyak mengetahui lagi akan budaya MIB dan reka bentuk yang bersesuaian dan menepati etika pembangunan negara kita. Ini sebagai identiti yang harus dibawa dalam pembinaan dalam projek-projek kemajuan negara kita di luar negara.

Saya juga berpendapat bahawa ahli-ahli profesional dan tempatan harus diberikan peluang untuk mengadakan projek-projek negara di luar negeri untuk memberikan pendedahan kepada industri pembinaan luar negara. Ini juga akan memberikan banyak peluang kepada ahli-ahli profesional tempatan untuk menerokai potensi-potensi mereka di luar negeri. Dengan sendirinya juga kita dapat berganding bahu untuk menyokong mereka untuk menceburkan diri mereka dalam melaksanakan projek-projek ini bersama-sama dengan ahli-ahli profesional di luar negeri; dan

3. Menyentuh mengenai dengan program-program yang dikendalikan oleh pihak Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, saya menyambut baik program yang ditawarkan untuk pelajar dari luar negara yang berminat untuk meningkatkan kemahiran bahasa Inggeris dan komunikasi di bawah *UBD, CFBT Global Centre* di mana *UBD* telah berkolaborasi dengan *CFBT* Universiti di Viet Nam.

Merujuk kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sewaktu *ASEAN Summit* yang Ke-31 di Manila, Philippines pada 13 November 2017, baginda telah mengumumkan bahawa Kerajaan Brunei akan menyediakan 50 biasiswa untuk meningkatkan

kemahiran profesional dalam bidang komunikasi untuk rakyat dari negara-negara *ASEAN*.

Saya ingin bertanya dimanakah peruntukan bagi biasiswa-biasiswa yang ditawarkan itu dalam buku Anggaran Hasil dan perbelanjaan negara? Seperti soalan Yang Berhormat Awang Haji Ramli bin Haji Lahit tadi. Berapakah peruntukan yang disediakan?

Sekian sahaja dari saya, terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeriyanty binti Dato Seri Laila Jasa Haji Abdul Rahman atas soalan-soalan yang diajukan tadi.

1. Mengenai dengan prestasi promosi syarikat-syarikat tempatan untuk bergabung dengan syarikat-syarikat asing, terutama sekali perkara ini di tahun-tahun yang lalu dianggarkan sahaja kepada 86 buah syarikat untuk diperbantukan ataupun yang berpotensi untuk mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat di Negara Brunei Darussalam. Ini menerusi *cluster group* yang telah dikenal pasti adakah ia halal ataupun pelancongan dan sebagainya.

Dari segi usaha, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, senarai syarikat-syarikat di luar negeri yang berpotensi tersebut untuk dijemput ke negara ini diperpanjangkan kepada pihak industri untuk meneliti selanjutnya mana-mana syarikat yang dapat ditarik ataupun dijemput untuk membuat pelaburan di Negara Brunei Darussalam.

Dari segi usaha kementerian untuk mengenal pasti syarikat-syarikat di bawah kluster-kluster yang berkenaan dan untuk pertimbangan selanjutnya pihak industri di negara ini;

2. Mengenai penglibatan ahli-ahli yang profesional dalam pembangunan dan pembinaan aset-aset Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan di luar negara terutamanya dari segi pembinaan Kediaman Rasmi dan Pejabat-Pejabat Pesuruhjaya-Pesuruhjaya tinggi ataupun kedutaan. Perkara ini sukacita saya mengambil maklum mengenai dengan penglibatan profesion dari negara ini.

Tetapi dalam membentuk mana-mana bangunan dari luar negeri tersebut ia sentiasa dirujuk kembali kepada pihak Kementerian Pembangunan dari segi standardnya. Tetapi dari segi *design* kemungkinan ada juga *design* tersebut tertakluk juga kepada kadang-kadangnya keperluan

di negara tersebut ataupun standard yang dinyatakan di negara tersebut.

Tetapi belum lagi dari segi *design* keseluruhan daripada aset tersebut itu diambil alih oleh mana-mana profesion ataupun *professional from Brunei*. Perkara ini sukacita saya mengambil maklum dan akan dilanjutkan pada masa-masa akan datang; dan

3. Program pelajar dan biasiswa yang diketengahkan ataupun ditawarkan kepada di negara-negara *ASEAN*. Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan semenjak beberapa tahun ini, tidak lagi memegang biasiswa tersebut dari segi peruntukannya. Semuanya sudah dialihkan kepada Kementerian Pendidikan tetapi pemilihan dan pencalonan masih lagi dibuat menerusi Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bagi mendapatkan *effect political* yang disarankan iaitu untuk membina persahabatan antara Negara *ASEAN* ataupun bukan *ASEAN*.

Maka oleh sebab itu, bajet ataupun peruntukan tersebut bukan lagi di bawah Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Terima Kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih atas usaha Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan seperti yang disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan sebentar tadi.

Saya ingin menyentuh mengenai 2 perkara bawah Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan kod 001/000 - Pengurusan Pentadbiran dan Perancangan Dasar:

1. *Trans-Pacific Partnership (TPP)* yang kini dikenali dengan *Comprehensive and Progressive Agreement For Trans-Pacific Partnership (CPTPP)* diharap untuk memberi manfaat kepada negara iaitu sektor perniagaan tempatan khususnya dan rakyat pada amnya. Negara juga telah menandatangani *comprehensive and progressive agreement for trans-pacific Partnership (CPTPP)* beberapa hari yang lalu seperti yang telah dikongsikan tadi.

Soalan saya ialah: Adakah *timeline* atau jangka masa untuk kitani melihat hasil atau sekurang-kurangnya memantau kemajuan perjanjian ini; dan

2. Difahami sudah ada beberapa pertukaran dengan negara-negara

sahabat di peringkat pembangunan profesional pertukaran ahli-ahli perniagaan, akademik dan program belia. Namun saya ingin mengetahui?

Berapakah peruntukan di peringkat Kementerian untuk program pertukaran-pertukaran ini? dan Adakah ia berdaya tahan atau *sustainable*? Sebagai contoh pemikiran ialah Kuwait ramai pakar dalam pengeksporan minyak dan gas, Singapura dengan pusat kewangan serta bursa sahamnya dan Thailand dengan penanaman padinya. Kitani boleh saja memberikan peluang-peluang untuk jurutera-jurutera tempatan kitani, pegawai-pegawai kewangan kitani ataupun pengusaha petani-petani kitani untuk mengikuti projek-projek atau menjadi sebahagian daripada kumpulan pekerja mereka melalui kerjasama atau *Memorandum of Understanding (MoU)* dengan kedutaan kitani di negara-negara tersebut?.

Apa yang penting dalam mana-mana proses pengurusan atau pembangunan ialah sumber tenaga manusia dan setentunya pertukaran-pertukaran ini dapat meningkatkannya. *إِنْ شَاءَ اللَّهُ*.

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Silakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II:

Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. *Timeline* ataupun pelaksanaan bagi *comprehensive and progressive agreement for trans-pacific partnership (CPTPP)* tersebut adalah mengikut perjanjian baharu yang ditandatangani tersebut itu setelah 6 ahli *comprehensive and progressive agreement for trans-pacific partnership (CPTPP)* membuat *ratification* ke atas perjanjian tersebut dan perjanjian itu akan *enter into force* bagi negara-negara tersebut. Dari segi *timeline* bagi Negara Brunei Darussalam memang seperti mana dalam *statement* menteri-menteri di *Santiago Chile*. Setiap negara akan berusaha sedaya upaya untuk mempercepatkan *ratification proses* menurut undang-undang dan peraturan sistem negara masing-masing.

Negara Brunei Darussalam untuk proses me-*ratified* ia perlu mendapat *consensus* dari semua kementerian dan untuk meneliti sekiranya perlu mengadakan dasar ataupun peraturan baharu sekiranya peraturan tersebut belum ada ataupun perubahan dalam dasar sekiranya ia diperlukan.

Di samping itu juga dari segi manfaat pada negara perlu dipertimbangkan pada keseluruhan. Dari segi *timeline* kebanyakan negara di *Santiago* menyatakan besar kemungkinan pada penghujung tahun 2018 mereka boleh me-*ratified*. Walau bagaimanapun, ada juga yang menyatakan yang mereka mungkin dapat me-*ratified* paling

awal pada hujung tahun 2019 ataupun awal 2020.

Tetapi perjanjian tersebut akan mula berkuat kuasa sesudah 6 daripada ahlinya *ratified* untuk dapat dilaksanakan oleh negara-negara yang sudah *ratified* pada waktu itu.

Program-program pertukaran yang diadakan dari segi kementerian bukan sahaja dari segi program-program *scholarship* ataupun biasiswa yang diberikan. Ia juga meliputi program-program di bawah penyertaan Negara Brunei Darussalam dalam pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti di bawah Komanwel ataupun di bawah *WTO* iaitu program-program kursus ataupun *training* dapat diadakan di luar negara ataupun di dalam negara pada setiap tahun.

Untuk tambahan mengenai manfaat yang akan diperolehi mengenai *CPP* tadi Yang Berhormat Pengerusi, kaola ingin menambah, ada sudah beberapa kajian yang memberi petunjuk bahawa *CPP* boleh memberi manfaat dalam lingkungan \$1 bilion kepada pengusaha-pengusaha tempatan dalam 5-10 tahun yang akan datang. Itu sahaja Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan sekarang Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman

Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman Othman: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dirahmati Allah dan yang dihormati sekalian. Lebih dahulu kaola merakamkan terima kasih atas mukadimah yang disampaikan oleh Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II, Negara Brunei Darussalam.

Yang Berhormat Pengerusi, kaola sukacita menyentuh mengenai Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan;

1. Dalam usaha untuk memajukan dan memperkenalkan produk-produk buatan Brunei di bawah inisiatif Program Satu Kampung Satu Produk, (1K1P), pemasaran dan usaha menembusi pasaran serantau ataupun antarabangsa penting agar produk Satu Kampung Satu Produk ini dapat diperkenalkan dan sekurang-kurangnya dapat memperkenalkan Negara Brunei Darussalam.

Dalam hal ini, Suruhanjaya-Suruhanjaya dan Kedutaan-Kedutaan ataupun Perwakilan

Tetap Negara Brunei Darussalam boleh dilihat berperanan untuk mempromosikan produk-produk Satu Kampung Satu Produk dengan mempamerkan produk-produk tersebut di Suruhanjaya, Kedutaan dan Perwakilan Tetap.

Produk-produk yang dimaksudkan bolehlah mempamerkan produk yang berpotensi untuk dipasarkan dan difikirkan mempunyai nilai komersial di luar negara. Diharapkan supaya inisiatif ini akan dapat diambil perhatian oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dengan secara berperingkat-peringkat dan merealisasikan sebagai usaha memajukan Satu Kampung Satu Produk;

2. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola ingin menyentuh juga melalui Tajuk yang sama, sukacita Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan akan dapat memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini jumlah perdagangan selain minyak dan gas yang dikendalikan melalui Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan antara Negara Brunei Darussalam dengan negara asing bagi tahun kebelakangan iaitu dari tahun 2014 hingga 2017; dan
3. Akhirnya, Yang Berhormat Pengerusi, kaola juga ingin mengetahui apakah perancangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri

dan Perdagangan bagi meningkatkan perdagangan Negara Brunei Darussalam ke luar negeri?. Sekian terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi. Saya persilakan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II:

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman. Mengenai memajukan produk-produk buatan Brunei untuk menembusi pasaran-pasaran serantau mahupun antarabangsa terutamanya untuk mempromosi produk-produk tempatan di luar negeri seperti mana yang saya nyatakan awal tadi bahawa Perwakilan-Perwakilan Negara Brunei Darussalam di luar negara bersedia untuk memajukan produk-produk tersebut dengan cara mempamerkan produk-produk tersebut di Pejabat-Pejabat Perwakilan Negara ini di luar negara, dan juga untuk mempromosi barang-barang tersebut menerusi aktiviti-aktiviti yang diadakan seperti hari-hari *ASEAN*.

Semua perwakilan dari negara-negara *ASEAN* akan bersatu dan mempamerkan produk-produk dari negara masing-masing kepada negara di mana mereka berada. Yang pentingnya di sini Yang Berhormat Pengerusi produk-produk tersebut mestilah mencapai tahap yang boleh diketengahkan seperti mana yang

kita difahamkan beberapa negara maju memerlukan produk-produk tersebut mencapai tahap atau standard dari segi *safety* ataupun dari segi kualiti.

Oleh yang demikian, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan akan terus berusaha dan bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensi berkenaan seperti juga Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan dalam mengongsikan produk-produk yang boleh dikira *ready for export* ke luar negeri.

Oleh yang demikian, sekali lagi kaola menjemput mana-mana syarikat yang sudah mempunyai produk-produk untuk dipromosikan bukan sahaja produk dari segi barangan tetapi dari segi *services* seperti pelancongan untuk membuat perjumpaan dengan pihak kementerian supaya produk mereka dapat dipromosikan di Pejabat-Pejabat Perwakilan ataupun menerusi Pejabat Perwakilan kita di luar negeri.

Selain itu mengenai data jumlah perdagangan, kaola Yang Berhormat Pengerusi akan meneliti secara *detailnya* dahulu sebelum memberi respons terhadap soalan mengenai jumlah perdagangan antara Negara Brunei Darussalam dengan negara-negara luar dari 2014 hingga 2017.

Soalan terakhir daripada Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman @ Othman tadi mengenai perancangan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan bagi meningkatkan perdagangan ke luar

negara, seperti mana yang diketahui usaha Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan adalah menerusi satu antaranya membantu Perusahaan Mikro Kecil dan Sederhana ini dari segi mereka menghadiri ekspo-ekspo perdagangan, produk-produk mereka di perwakilan-perwakilan dan juga dari segi membuka pasaran luar negeri kepada barangan dari Negara Brunei Darussalam.

Satu antaranya ialah dengan mengadakan perjanjian-perjanjian perdagangan bebas dan seterusnya juga untuk meneliti tatacara pengimportan dari negara-negara tersebut supaya syarikat-syarikat ataupun perusahaan-perusahaan yang sudah mempunyai barangan produk berpotensi dapat menembusi pasaran tersebut dengan *qualifying* peraturan-peraturan yang diperlukan oleh negara tersebut.

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal. Silakan.

Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal:

السَّلَامُ تَلِيكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَى مَنْ اتَّبَعَ الْهُدَى

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Lebih dahulu kaola mengucapkan tahniah atas mukadimah yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II.

Dalam kita membincangkan Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ini, kaola ingin menimbulkan soal penyelesaian perundingan yang berkaitan dengan sempadan antara negara ini dengan Malaysia khususnya sempadan darat dengan negeri Sarawak.

Seperti mana yang kaola masih ingat soal penyelesaian sempadan ini pernah ditimbulkan di Dewan yang mulia ini beberapa tahun yang lalu dan kaola percaya berbagai-bagai usaha telah pun dibuat bagi menyelesaikan isu mengenai sempadan antara kedua belah pihak dalam beberapa tahun yang lalu.

Dalam hubungan ini, kaola ingin tahu: Sejauh manakah sudah dicapai penyelesaian terhadap ketentuan terhadap yang kaola maksudkan itu dan bila dijangka boleh disiapkan? Sekian

وَسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan juga kepada Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Hamid bin Bakal atas soalan tadi. Memanglah isu sempadan bersama Malaysia satu isu yang perlu ditangani dengan berhati-hati tanpa "bergagas-gagas".

Perkara ini mengambil kira sejarah terutamanya sejarah yang kita sama-sama kongsi mengenai sempadan antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak.

Jadi, bagi secara umumnya menjawab pertanyaan Yang Berhormat itu, kerja-kerja perundingan dan *demarcation* sempadan antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak masih lagi dilaksanakan.

Ia dilaksanakan dengan cara teliti dan perlu juga dilaksanakan dengan berhati-hati kerana ada isu mengenai pemindahan *landmark* sejak beberapa tahun sesudah ia ditinggalkan.

Jadinya, itulah dari segi waktu yang tepat tidak dapat kaola menggariskan di sini Yang Berhormat Pengerusi tetapi memadai yang tugas untuk menyelesaikan sempadan dilakukan dengan secara teliti dan cermat. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Saya persilakan Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin.

Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid bin Haji Mumin:

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Yang Berhormat Pengerusi. Kaola suka ingin bercakap sedikit dalam Tajuk SC01A - Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan yang telah pun diperuntukkan sejumlah

\$112,282,840.00 bagi Tahun Kewangan 2018/2019.

Yang Berhormat Pengerusi. Lebih dahulu kaola mengucapkan ribuan terima kasih atas mukadimah oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan sebentar tadi. kaola bersyukur ke hadrat Allah atas peranan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan melalui Kedutaan-Kedutaan Negara Brunei Darussalam, Suruhanjaya Tinggi juga Konsul-Konsul Agung Negara Brunei Darussalam yang dipertanggungjawabkan oleh agensi-agensi kerajaan yang berkenaan seperti Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kesihatan dalam membantu pengurusan penuntut-penuntut dan pesakit dari Negara Brunei Darussalam berkenaan. Ia amat membanggakan dan diucapkan setinggi-tinggi penghargaan.

Dalam pertanyaan kaola:

1. Adakah bantuan seperti tersebut itu juga diberikan kepada *private students* atau pelajar-pelajar persendirian yang belajar di luar negeri?;
2. Adakah bantuan-bantuan yang selayaknya untuk rakyat Negara Brunei Darussalam yang mendapat musibah seperti yang sakit kronik ataupun jua kemalangan-kemalangan dan juga yang membawa kematian semasa berada di luar negeri. Yang Berhormat

Pengerusi, sekian sahaja. Terima kasih.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Awang Haji Abdul Hamid atas kenyataan Yang Berhormat itu dan atas soalan Yang Berhormat ajukan itu juga.

Memang seperti mana yang kaola nyatakan tadi, Yang Berhormat Pengerusi, salah satu tugas dan tanggungjawab perwakilan di luar negeri adalah untuk meneliti dan memantau kesejahteraan rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang berada di negara-negara yang berkenaan.

Seperti mana juga kaola nyatakan tadi, kaola ingin menyatakan sekali lagi untuk memudahkan pihak perwakilan luar negeri menjalankan tugas pemantauan, disarankan supaya pelawat-pelawat Negara Brunei Darussalam ke luar negara untuk mendaftar secara *online* ataupun dengan Perwakilan-Perwakilan yang berkenaan di negara-negara tersebut.

Dari segi kesejahteraan rakyat dan penduduk negara ini di luar negara, memanglah usaha pejabat ataupun Seksyen Konsular untuk meneliti sekiranya ada rakyat ataupun penduduk Negara Brunei Darussalam menghadapi masalah ataupun musibah dan ia juga sebagai satu *channel* untuk memberi bantuan sekiranya diperlukan oleh pihak

keluarga ataupun pihak yang menerima musibah tersebut.

Walau bagaimanapun, memanglah ada hadnya sejauh mana konsular boleh membantu mereka-mereka yang menghadapi masalah ataupun musibah, tetapi ia juga tertakluk kepada *case by case* ataupun setiap satu kes mungkin berlainan dengan kes yang lain memandangkan keadaan seperti mana, sebagai contoh, kemungkinan ada musibah yang mengakibatkan pesakit ataupun rakyat dan penduduk tersebut memerlukan rawatan serta-merta, pihak keluarganya belum lagi sempat ke sana dan meminta bantuan dari kementerian sekiranya dapat dihulurkan lebih dahulu dan kemudiannya diselesaikan. Perkara-perkara ini seperti mana yang kaola nyatakan tertakluk kepada keadaan dan setiap kes adalah berlainan. Tetapi pada dasarnya memanglah konsular luar negara itu akan cuba sedaya-upaya untuk membantu mana-mana rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang menghadapi masalah. Terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Pendidikan.

Yang Berhormat Menteri Pendidikan: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. kaola hanya ingin menambah sedikit penerangan dari rakan sejawatan, Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan mengenai *private students* dari Kementerian Pendidikan melalui Unit Penuntut-Penuntutnya yang berada

di luar negara seperti di United Kingdom dan juga Ataci-Ataci Pendidikannya, memang dipantau kesejahteraan penuntut-penuntut kitani di sana. Tetapi dengan syarat mereka mestilah mendaftar dengan unit-unit dan pegawai-pegawai ini.

Jika *private students* ini tidak mendaftar, ia tidak akan diketahui dan ini akan menimbulkan masalah jika ada kejadian-kejadian yang kita tidak ingini itu, jadi cabarannya ialah untuk meningkatkan *awareness* penuntut *private students* kitani untuk mendaftar di mana mereka belajar di luar negara dengan Unit Penuntut-Penuntut yang ada dengan pegawai-pegawai Ataci Pendidikan yang kita ada di Pejabat-Pejabat Kedutaan ataupun Suruhanjaya Tinggi di luar negara itu.

Sekian, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan: Yang Berhormat Pengerusi. Kaola juga ingin menambah sedikit mengenai pesakit ataupun orang kitani yang menerima musibah atau sakit di luar negeri.

الْحَمْدُ لِلَّهِ kerajaan kitani sentiasa menjaga kesejahteraan rakyat di negara ini. Walau bagaimanapun, jika pesakit itu mengalami musibah atau sakit di luar negeri, lazimnya *the policy is only for government officers abroad*. Walau bagaimanapun, ia akan diteliti secara

case by case seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan tadi.

Di sini saya ingin menasihatkan orang ramai yang bercuti di luar negeri untuk mengambil insurans kerana ini akan memudahkan segala urusan semasa berada di luar negeri. Sekian terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Terima kasih, kepada semua Yang Berhormat Menteri-Menteri yang berkenaan yang turut serta dalam Tajuk yang berkenaan, dan untuk mengakhiri soalan ataupun kenyataan daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat, saya ingin menjemput Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim: Terima kasih, Yang Berhormat Pengerusi. Beberapa pengalaman kaola semasa mengikuti lawatan-lawatan rasmi, terakhir kaola menemani Yang Berhormat Pengerusi jua dalam satu lawatan kerja ke Kuwait dan sebelum itu ke Bangladesh.

Semasa lawatan-lawatan tersebut, kaola banyak memerhatikan perkara-perkara yang boleh kitani jadikan perbandingan dan contoh teladan. Dua negara yang berbeza, satu negara yang penduduknya ramai dan kedudukan

ekonominya pun dikira termasuk dalam kategori negara-negara yang susah juga dan satu lagi negara kaya.

Di Bangladesh, kaola memerhatikan banyak perkara yang baik untuk kitani teladani antaranya kegigihan rakyatnya membangun negara itu dalam keadaan kesusahan yang mereka hadapi dan mereka *survived*. Yang paling mengagumkan kaola ialah bagaimana orang-orang di sana hidup dengan *bekarih* dan kerajaan yang membantu dan kaola lihat ada ruang untuk kitani orang-orang Brunei masuk ke sana, bukan hanya untuk mendatangkan orang-orang di sana bekerja di sini, tetapi kesesuaian bidang-bidang itu terpaksa dikaji perniagaan kecil-kecilan untuk mengenalkan Brunei, budaya dan sebagainya dengan membuka bisnes-bisnes yang bersesuaian.

Perkara itu telah diambil manfaat oleh negara-negara lain dengan membuka restoran-restoran mereka belum kaola melihat orang kitani dan alhamdulillah nampaknya ada beberapa pihak di sektor bisnes ini sudah membuka mata sedikit-sedikit untuk ke sana.

Di negara yang terkenal kaya ini, kaola lihat banyak yang perlu kitani pelajari, mereka betul-betul berusaha mengekalkan khazanah dan budaya serta kehidupan mereka dengan penuh komitmen dan benar-benar membina infrastukturnya bukan alang-alang, tidak ada apa yang dipanggil separuh-separuh *efforts* mereka itu.

Kaola tertarik kepada mereka iaitu daripada negara padang pasir yang tidak ada apa-apa itu sekarang menjadi sebuah negara maju, kaya raya hanya berbekalkan kemahuan dan semangat yang tinggi serta jati diri sebagai orang Kuwait.

Jadi kaola sarankan ada beberapa perkara ataupun bidang yang boleh kita perluaskan lagi kerjasama kita. Diharap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dapat meng*explore* atau menerokai bidang-bidang tertentu seperti yang akan kaola cadangkan.

Kalau adapun sudah dibuat perundingan-perundingan awal mengenainya haruslah ia diteruskan dan diperkukuhkan lagi. Antaranya yang kaola ingin sarankan supaya:

1. Diadakan hubungan 2 hala mengenai dengan pertukaran profesional-profesional ataupun pegawai-pegawai kerajaan, penuntut-penuntut universiti ataupun penuntut-penuntut dalam kalangan bahagian menengah dan sebagainya untuk *students exchange* ataupun pertukaran *students* bagi membolehkan mereka itu melihat bagaimana negara hebat itu dibina. Strukturnya lebih kurang dari segi pentadbirannya dan sebagainya, seperti Brunei juga punya prinsip-prinsip negara dan sebagainya. Jadi manfaat dari lawatan-lawatan itu kalau boleh kita akan ambil manfaatnya; dan

2. Begitu juga dari segi budaya, pertukaran ahli-ahli budaya, ilmuan-ilmuan dan juga profesional-profesional. Kaola rasa perkara itu baiklah kita buat baik-baik, bisai-bisai. Ia akan memulakan satu era hubungan yang lebih baik antara 2 buah negara, bahawa Kuwait menganggap Brunei sangat istimewa dalam lawatan kita itu. Kaola rasa itu sahaja yang dapat kaola kongsi dan mudah-mudahan apa yang kaola ajukan di sini dapat dimulakan langkahnya kerana satu langkah itu memulakan sesuatu pekerjaan yang bermanfaat. Sekian terima kasih.

Yang Berhormat Pengerusi: Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II. Silakan.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II:

Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Mengenai cadangan-cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Paduka Awang Haji Abdul Ghani bin Pehin Datu Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim pihak kementerian akan tindakan-tindakan yang bersesuaian, terutama sekali dalam proses hubungan antara kedua-dua negara baik pun Negara Brunei Darussalam dan Kuwait ataupun Negara Brunei Darussalam dan Bangladesh dan dengan negara-negara yang lain.

Kita memang ada sudah menandatangani banyak *MOU* bagi

meningkatkan hubungan dari segi ekonomi, teknikal dan juga *cultural* yang meliputi pertukaran-pertukaran lawatan oleh kedua belah pihak.

Sebagai contoh, Negara Brunei Darussalam dan Kuwait telah menandatangani *MOU on Bilateral Consultations* pada tahun 2008 dan perjanjian ekonomi dan teknikal *cooperation* pada tahun yang sama juga. Negara Brunei Darussalam dan Kuwait juga ada mempunyai *MOU on training* iaitu dengan mengadakan pertukaran penuntut dan pegawai dari masa ke masa.

Walau bagaimanapun cadangan Yang Berhormat tadi sangat baik, sekiranya ada peluang pada masa akan datang ia akan diadakan bersama-sama negara yang lain juga dan sekiranya ada peluang membuat *MOU* ataupun perjanjian kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan negara-negara yang berkenaan itu. Terima kasih. Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kita telah mendengar beberapa kenyataan dan soalan yang telah dibuat oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat. Penjelasan-penjelasan juga telah diberikan oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II mengenai bajet Kementeriannya dan yang telah pun membuat kenyataan bahawa ia cuba untuk menjawab soalan-soalan yang tidak dijawabnya pada hari ini pada ketika yang sesuai nanti dan sekiranya tidak dapat maka, saya cadangkan supaya perkara itu akan dapat

dikemukakan secara bertulis pada Ahli-Ahli Yang Berhormat.

Maka saya berpendapat cukuplah perbincangan kita mengenai Tajuk Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ini.

Pada ketika ini sekarang ada baiknya Tajuk ini kita undi. Sekarang saya ingin bertanya pada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju untuk kita meluluskan Rang Belanjawan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan. Sila angkat tangan.

(Semua Ahli mengangkat tangan tanda bersetuju)

Terima kasih. Nampaknya semua Ahli-Ahli Yang Berhormat bersetuju. Maka Tajuk SC01A- Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan diluluskan.

Yang Mulia Timbalan Jurutulis: Tajuk SC01A- Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dijadikan sebahagian daripada Jadual. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawah nya bagi Tajuk SE01A sehingga Tajuk SE12A.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Tajuk yang akan kita bincangkan iaitu Tajuk SE01A sehingga Tajuk SE12A bagi Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Sebagaimana lazimnya sebelum Tajuk ini dibuka untuk dibahaskan, maka saya ingin menjemput Yang Berhormat

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk membuat pembentangan atau mukadimahya terhadap asas penyediaan belanjawan kementeriannya dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Saya persilakan Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi.

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ ، سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kaola lebih dahulu sukacita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi kerana memberi peluang bagi kaola menyampaikan mukadimah bagi memandu perbincangan Anggaran Peruntukan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri bagi Tahun Kewangan 2018/2019.

الحمد لله kaola sukacita mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas kepercayaan dan sokongan peruntukan bagi Perbelanjaan Tahun Kewangan 2018/2019 sebanyak \$148,695,655.00.

Selaras dengan dasar perbelanjaan berhemah dalam Peruntukan Kewangan dan Perbelanjaan Negara adalah penting bagi kementerian ini untuk memastikan segala perancangan dan strategi yang dilaksanakan menggunakan kaedah *Programme and Performance Budgeting (PPB)* mengikut keperluan sebenar dan

keutamaan yang berasaskan Petunjuk Utama Prestasi (*KPI*) kementerian ini dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi mencapai:

1. Meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat;
2. Memantapkan perpaduan dan kesejahteraan;
3. Memelihara Keselamatan Masyarakat;
4. Memudah Cara Penyediaan Infrastruktur dan Kemudahan Awam; dan
5. Memangkin Perkembangan Ekonomi.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Kementerian ini sentiasa mengambil berat akan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai agar ia sentiasa relevan dengan keadaan semasa dan mesra pelanggan. Sentiasa cekap dan memenuhi matlamat berkenaan.

Dari itu selaras dengan teras skop Pelan Strategik Kementerian, beberapa program telah dan akan dijalankan dengan Tahun Kewangan 2018/2019 bagi membantu mengukuhkan keselamatan, kesejahteraan, memangkin sosioekonomi dan meningkatkan perpaduan masyarakat yang semua ini dilaksanakan bagi mencapai matlamat 'Brunei Maju'.

Di bawah Tajuk SE02A - Lembaga Bandaran Bandar Seri Begawan, Tajuk

SE03A - Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria dan Tajuk SE04A-Lembaga Bandaran Tutong iaitu kuasa-kuasa tempatan dan perbandaran sebanyak \$52,766,023.00 atau 40% daripada jumlah peruntukan adalah bagi tujuan meningkatkan kesejahteraan dan perpaduan rakyat serta memantapkan lagi peranan keberkesanan Institusi Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Ia juga digunakan untuk memajukan perbandaran dan meningkatkan prasarana yang kondusif bagi perniagaan.

Manakala di bawah Tajuk SE05A - Jabatan Buruh, Tajuk SE10A - Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Tajuk SE11A-Jabatan Penjara dan Tajuk SE112A-Jabatan Bomba dan Penyelamat iaitu keselamatan dan kesejahteraan sebanyak \$79,370,080.00 atau 60% daripada jumlah peruntukan diperuntukkan. Jumlah yang dipohonkan ini untuk tujuan Penguatkuasaan Undang-Undang Pencegahan Kebakaran, Pengurusan Bencana Alam dan membantu memantapkan keupayaan sumber manusia.

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat. Oleh yang demikian bagi Tahun Kewangan 2018/2019, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri akan memfokuskan peruntukan ini kepada usaha-usaha berikut:

1. Untuk meningkatkan perpaduan masyarakat selaras dengan *KPI Wawasan Brunei 2035* iaitu 2.11 di bawah strategi pembangunan institusi adalah amat penting bagi

mengadakan pemimpin di peringkat akar umbi yang berwibawa dan berkualiti. Walau bagaimanapun, sehingga 20 Februari 2018 masih terdapat 65 jawatan Penghulu dan Ketua Kampung yang masih kosong dan perlu diisikan.

الحمد لله menerusi Skim Perkhidmatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 2015 yang telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan dilaksanakan mulai 23 Disember 2017 diharapkan akan dapat membantu mempertingkatkan lagi peranan tugas dan tanggungjawab Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Dengannya akan dapat mengukuh dan memantapkan lagi martabat, kewibawaan kualiti kepimpinan dan keberkesanan institusi Penghulu dan Ketua Kampung.

Kita masih lagi berhadapan dengan cabaran mengenai kurang atau ketiadaan calon yang bersesuaian bagi dicalonkan sebagai calon Ketua Kampung sebagai usaha jangka sederhana bagi menyediakan tenaga pelapis kementerian dengan kerjasama *Institute for Leadership, Innovation and Advancement (ILIA)*, Universiti Brunei Darussalam telah mengadakan Bengkel Asas Kepimpinan Masyarakat selama 3 bulan yang disertai oleh Ahli

Majlis Perundingan Mukim dan Kampung. Bengkel ini antaranya diharap untuk memberikan kemahiran kepimpinan di samping menilai potensi peserta bagi digilap dan seterusnya diketengahkan sebagai calon-calon yang berpotensi bagi jawatan Ketua Kampong tertakluk kepada kesesuaiannya. Kita akan terus menilai keberkesanan rancangan ini;

2. Dalam usaha meningkatkan hasil kerajaan. Tumpuan akan diberikan untuk meningkatkan lagi Kutipan hasil cukai iaitu Cukai Semasa dan Cukai Tertunggak. الْحَمْدُ لِلَّهِ sehingga 31 Disember 2017 semenjak tertubuhnya Unit *Task Force Recovery* pada 16 April 2016, Lembaga-Lembaga Bandaran telah dapat mengutip tunggakan sebanyak \$5.77 juta dan seterusnya mengurangkan jumlah tunggakan dari \$46 juta ke \$40.29 juta.

Beberapa inisiatif sedang dan akan dilaksanakan bagi meningkatkan dan memperkesakan hasil tunggakan iaitu melalui perkhidmatan *sms push notification*, penggunaan kaedah konsep *paeto* penubuhan *Credit Control* Unit dan garis panduan bayaran panduan Bayaran Ansuran.

Inisiatif juga dilaksanakan bagi mengurangkan kos operasi menerusi penggunaan *utility* seperti menggunakan *energy saving devices*, mengawal penggunaan

elektrik seperti lampu, sistem penghawa dingin dan sebagainya serta lain-lain inisiatif;

3. Selaras dengan usaha-usaha kerajaan yang amat mengutamakan keperluan berhema dalam perbelanjaan negara terutama sekali dalam membangunkan infrastruktur, Kementerian ini telah pun mulai tahun 2017 mengenal pasti aset-aset Kementerian dan mengeluarkan *Request for proposal* bagi beberapa aset di Bandar Seri Begawan, Kuala Belait dan Temburong menerusi kaedah *Private Public Patnership* yang diharap boleh meringankan beban kerajaan sambil menjimatkan serta menguntungkan kedua pihak kerajaan dan swasta.

Melalui kaedah ini, di samping melaksanakan projek secara efisien ia juga akan dapat membukakan peluang penglibatan golongan peniaga dan bangsa tempatan;

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.;

4. Berkaitan dengan program Satu Kampung Satu Produk, الْحَمْدُ لِلَّهِ dengan Penubuhan Jawatankuasa Khas Peringkat Kebangsaan yang telah pun diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 25 Mei 2017, kita berharap akan dapat meningkatkan kemajuan 1K1P

Beberapa rancangan telah pun dibincangkan bersama agensi-agensi yang berkepentingan di dalam dan di luar negeri untuk mempertingkatkan kualiti pengeluaran rangkaian produk *IKIP* supaya produk-produk berkenaan akan *sustainable* dan boleh menembusi pasaran domestik dan serantau termasuk meningkatkan kualiti produk, pembungkusan, pemasaran dan memenuhi keperluan persijilan iaitu *Good Manufacturing Practice (GMP)*, *Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP)* dan Sijil Halal Brunei Darussalam.

Sehubungan itu, salah satu daripada inisiatif ini ialah menjalin kerjasama dengan pihak berkenaan di Thailand khususnya "*One Tambon One Product*" untuk membimbing pengusaha-pengusaha *IKIP*. Ini selaras dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam supaya pihak kerajaan memberikan bimbingan dan tunjuk ajar bagaimana memulakan dan menjalankan perusahaan sehingga peniaga atau pengusaha berjaya.;

5. Dalam usaha *Ease Of Doing Business* kementerian juga sentiasa bekerjasama dengan agensi-agensi bagi menjadikan negara ini destinasi pelabur-pelabur asing luar negeri. Ini termasuk dalam memberikan perkhidmatan yang efisien dan

cepat. Pada tahun lepas, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan telah memperkenalkan *Sistem Que Up* bagi kad pengenalan dan passport. Sistem ini telah memberikan kesan yang positif dalam penjimatan masa orang ramai.

Bagi pelanggan yang menggunakan sistem ini ia telah menurunkan masa menunggu dari 109 minit kepada 13 minit dan bagi pelanggan *walk-in* turun sebanyak 7%. Sistem ini telah berjaya menjimatkan masa orang ramai sebanyak 3,600 jam. Sistem ini juga telah dilaratkan kepada Bahagian Visa, Lawatan, Diplomatik dan Pas Kerja pada 1 Februari 2018 yang lalu yang bertujuan untuk mengurangkan masa menunggu dengan signifikan.;

6. Sejak memperkenalkan Lesen Pekerja Asing pada 1 Oktober 2016 sehingga 22 Januari 2018, ia telah dapat mempercepatkan proses mengambil pekerja asing dan menjimatkan masa menerusi Lesen Pekerja Asing ini juga sebanyak 845 kekosongan jawatan telah dapat diisikan oleh anak-anak tempatan.

Jabatan Buruh juga tanpa menjejaskan pengambilan pekerja tempatan di sektor swasta membuat beberapa penelitian bersama agensi-agensi kerajaan yang berkepentingan bagi menurunkan proses pengambilan pekerja asing terutama sekali bagi pekerjaan yang

masih belum dapat diisikan oleh anak-anak tempatan;

7. Dalam masa yang sama, ke arah usaha kementerian ini mendukung pertumbuhan ekonomi, Jabatan Buruh dengan kerjasama agensi-agensi yang berkaitan seperti *Manpower Policy And Planning Unit*, Jabatan Perdana Menteri dan PENGGERAK sedang dalam proses mengenalkan kriteria bagi Pengarah Asing atau *Foreign Directors Criteria* yang dihasratkan bagi menyelaraskan lantikan pengarah terdiri daripada warganegara asing yang akan menyumbang kepada perekonomian dan pekerjaan kepada pencari kerja dalam kalangan anak tempatan.;
8. Dalam mendukung kewujudan masyarakat untuk sentiasa hidup harmoni dan sejahtera Bahagian Reintegrasi, Jabatan Penjara di bawah kementerian ini juga memainkan peranan bagi memastikan kesejahteraan bekas penghuni atau banduan terjaga terutama sekali bagi membantu mendapatkan pekerjaan dan diterima kembali ke dalam masyarakat. Beberapa program dan kursus telah pun dijalankan.

Sehubungan itu, seramai 113 rakan seliaan (bekas banduan) telah berdaftar secara sukarela untuk mengikuti program tersebut. Program *After Care* ini juga telah melihatkan penurunan kadar residis atau kemasukan semula dalam kalangan peserta program ini dari

11% pada tahun 2014 kepada 3% pada tahun 2017 dan sebilangan mereka berjaya mendapatkan pekerjaan. Kerjasama akan terus dilaksanakan dengan agensi-agensi kerajaan, *NGO's* dan sektor swasta bagi mengungkuhkan rancangan-rancangan pemulihan.;

Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat.

9. Kementerian ini juga sentiasa berusaha meningkatkan dan mengukuhkan kesiapsediaan dan daya ketahanan kebangsaan melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat dan Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (*NDMC*). الْحَمْدُ لِلَّهِ terutama sekali dalam memantapkan kesiapsiagaan operasi kecemasan dan menyelamatkan bagi tahun 2018/2019 Jabatan Bomba dan Penyelamat, memperbaiki 'respons time' kepada 8 hingga 10 minit bagi kawasan bandar, manakala 10 hingga 15 minit bagi kawasan luar bandar. Dalam memastikan keselamatan aset-aset kerajaan dan swasta sehingga Februari 2018, Jabatan Bomba dan Penyelamat, berjaya melatih seramai 2,022 *fire marshall* dalam kalangan pegawai kerajaan, swasta dan penduduk secara amnya.

Ini juga menunjukkan usaha-usaha jabatan untuk meningkatkan kesiapsediaan kebangsaan dan dengan memperkasa individu dan masyarakat untuk menguatkan dan mengekalkan kesiapsediaan mereka

terhadap bencana. Seperti juga semasa kejadian banjir yang terjadi pada bulan Disember 2017 dan Februari 2018 kesiapsiagaan orang ramai, pihak swasta dan *Non-Governmental Organisation (NGO's)* dan agensi-agensi kerajaan pada tahap yang sangat baik yang mencerminkan kesemua bertugas mendukung konsep *Whole of Nation Approach* khasnya dalam membantu mangsa banjir.

Gandingan tindakan operasi ini, telah dapat memantapkan lagi mutu perkhidmatan, ini membuktikan bahawa program-program yang dijalankan oleh *NDMC* khusus untuk masyarakat dan orang awam iaitu *Community Based Disaster Risk Management (CBDRM)* dan *School Base Disaster Risk Management (SBDRM)* sejak tahun 2009 memberikan kesan yang menggalakkan;

10. Yang Berhormat Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, selaras dengan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, mengenai Penguatkuasaan Undang-Undang, bagi membantu meningkatkan keselamatan dan kesejahteraan penduduk negara ini, kementerian ini telah pun menjalankan beberapa aktiviti yang berkaitan dengan penguatkuasaan akta-akta di bawah jabatan masing-masing.

Sehingga Disember 2017, Jabatan Buruh telah menjalankan 382 aktiviti berkaitan dengan Akta Employment Order 2007 dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran telah menjalankan 1,246 aktiviti yang berkaitan dengan Penguatkuasaan Akta-Akta Imigresen.

Manakala Lembaga Bandaran di ketiga-tiga daerah terdapat 36 aktiviti yang telah dijalankan dengan mengenakan kompaun bagi kesalahan-kesalahan kecil. Sementara Jabatan Daerah-Daerah dengan 386 aktiviti yang antaranya ialah 27 secara bersepadu; dan

11. Mengenai Rancangan Kemajuan pada tahun 2018/2019 ini, kementerian juga akan menerima peruntukan kewangan sebanyak \$54 juta bagi melaksanakan projek-projek di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-11, iaitu:

- i) Menaik taraf Pasar Gadong,
- ii) Revitalisasi Kampung Air dan
- iii) Menaik taraf Pasar Pantai Jerudong.

Mengenai Rancangan Revitalisasi Kampung Air, insya-Allah dengan gabungan beberapa agensi kerajaan yang berkepentingan adalah dirancangkan sebanyak 157 buah rumah akan dibina, 47 buah dalam fasa pertama dan 110 dalam fasa kedua.

Berdasarkan peruntukan yang telah pun dibentangkan, kementerian ini akan terus berusaha sedaya upaya untuk memberikan perkhidmatan yang lebih

baik dalam memastikan sistem penyampaian perkhidmatan kementerian ini sentiasa mencapai standard dan kualiti yang ditetapkan dalam memenuhi kehendak dan ekspektasi rakyat dan penduduk negara ini.

إِنْ شَاءَ اللَّهُ kementerian ini akan sentiasa berpandukan inisiatif-inisiatif dan program-program yang dirancang sejajar dengan hasrat Wawasan Brunei 2035. Sekian sahaja yang dapat kaola sampaikan dan kaola mengucapkan sekali lagi terima kasih kepada Yang Berhormat Pengerusi.

Yang Berhormat Pengerusi: Ahli-Ahli Yang Berhormat. kita telah pun mendengar kenyataan yang dibuat secara terperinci oleh Yang Berhormat Menteri Hal-Ehwal Dalam Negeri terhadap arah tuju dan rancangan-rancangan yang strategik terhadap perbelanjaan yang diperuntukkan bagi Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Saya kira, kita telah pun duduk berunding sehari suntuk dan kita telah berjaya meluluskan Belanjawan dua kementerian iaitu Kementerian Pembangunan dan Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan.

Maka, saya kira cukuplah usaha kita pada hari ini dan saya ingin mencadangkan supaya perbincangan kita di Peringkat Jawatankuasa ini kita tangguhkan dahulu dan kita bersidang semula di Persidangan Majlis Mesyuarat Negara.

(Mesyuarat Jawatankuasa ditangguhkan)

(Majlis Mesyuarat bersidang semula)

Yang Berhormat Yang Di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin menangguhkan Majlis Mesyuarat Negara ini untuk kita berehat setelah seharian kita menumpukan perhatian dalam meneliti dan berbincang mengenai Rang Undang-Undang (2018) Perbekalan, 2018/2019. إِنْ شَاءَ اللَّهُ

kita akan bersidang semula pada esok hari iaitu hari Selasa, 13 Mac 2018 pada pukul 9.00 pagi. Sekian,

وبالله التوفيق والهداية السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

(Majlis Mesyuarat ditangguhkan)